

Headline	Niat bantu ibu mudah urusan ke Tanah Suci		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	19 Sep 2013	Circulation	192,982
Section	Nasional	Readership	1,521,000
Page No	16	ArticleSize	327 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 11,028
Journalist	Mohd Zin Ali	PR Value	RM 33,084
Frequency	Daily		



Niat bantu ibu mudah urusan ke Tanah Suci

» *Jemaah terharu rayuan tunai haji diterima TH*

Oleh Mohd Zin Ali
mdzin@bh.com.my

► Georgetown

Niat ikhlas untuk mengiringi ibu, Sharifah Bi Mat Din, 64, yang sakit lutut kronik menunaikan haji membolehkan Ahmad Zarudi Shahrani, 39, dipilih sebagai jemaah haji walaupun baru mendaftar nama bagi menunaikan ibadah berkenaan tahun ini.

Beliau yang netap di Batu Kura, Perak, berkata ibunya yang berkerusi roda dijadual menunaikan haji pada 2015 tetapi menerima surat panggilan terpilih lebih awal menunaikan haji tahun ini.

Ahmad Zarudi berkata, ibunya yang bimbang terpaksa berseorangan menunaikan ibadah di Makkah menyebabkan dia menawarkan diri untuk mengiringinya selepas berbincang dengan tiga beradik.

Hantar surat rayuan

“Sebaik ibu menerima tawaran itu awal Januari lalu, saya mendapatkan khidmat nasihat petugas Tabung Haji (TH) sebelum mendaftarkan nama untuk menunaikan haji pada 22 Januari lalu dan dijadualkan menunaikan haji pada 2057 sambil menghantar surat rayuan kepada TH yang diluluskan sebuahan kemudian.

“Saya bersyukur dan menangis kegembiraan apabila Allah membuka jalan walaupun ramai mengatakan susah menunaikan haji jika masih belum mendaftar,” katanya ketika dijumpai di Kompleks TH Bayan Lepas, di sini, semalam.

Ahmad Zarudi berkata, beliau yang pertama kali menuaikan Rukun Islam kelima itu bernazar ke Makkah sebelum berusia 40 tahun dan sering menunaikan solat hajat dan Tahajud serta

berdoa supaya hajatnya dikabulkan.

“Insy-Allah, jika ada niat dan azam, Allah akan buka jalan yang tidak akan kita terfikirkan,” katanya yang turut menerima kegembiraan ber-

ganda baru-baru ini apabila dilantik sebagai Penghulu di Lumut, Perak, berkuatkuasa 1 Oktober ini.

Hilang pancaindera

Selain itu, pesara guru dari Sungai Bakap, Nibong Tebal, Abdul Ghani Othman, 58, gembira terpilih menunaikan haji bersama isterinya, Rahmah Ali, 55, dan ibu mentua, Timah Othman, 74, selepas mendaftar menunaikan haji pada 2004.

Beliau yang kehilangan pancaindera sejak tahun lalu memaklumkan menghantar surat rayuan setiap tahun sejak 2008 apabila penglihatannya semakin kabur.

“Usaha menunaikan haji dikabulkan Allah seminggu sebelum menunaikan umrah

bersama keluarga pada akhir Mac lalu dan saya hanya dapat menjawab terima tawaran pada 23 April lalu,” katanya.

Pengarah Operasi Stesen Bayan Lepas 1434H, Amat Kasim Pait, berkata pihaknya menguruskan 830 jemaah yang dibahagikan kepada lima kumpulan berlepas kelmarin, semalam, hari ini, 27 September dan 1 Oktober ini.

“Semua jemaah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTA-PP) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Prince Mohammad Abdul Aziz, Madinah dengan kumpulan kedua hari ini (semalam) seramai 278 jemaah membabitkan 124 jemaah lelaki dan 154 jemaah wanita,” katanya.

Headline	Niat bantu ibu mudah urusan ke Tanah Suci		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	327 cm ²
Journalist	Mohd Zin Ali	AdValue	RM 11,028
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,084



Ahmad Zarudi **menolak kerusi roda** Sharifah Bi sebelum berlepas ke Madinah di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, Pulau Pinang, semalam.

[FOTO MICHAEL ONG/BH]